

# **Kerajaan Persekutuan Malaysia Belum Memfailkan Pembelaan Selepas Lebih daripada 130 Hari Saman Mahkamah Tinggi Difailkan oleh Tiga Orang Wanita Sabah terhadap Seorang Guru yang Didakwa Tidak Hadir Kelas Berbulan-bulan, Pengetua, dan Kementerian Pendidikan**

5 Mei 2021

Pada 22 Disember 2020, Plaintiff Mahkamah Tinggi Rusiah binti Sabdarin (19 tahun), Nur Natasha Allisya binti Hamali (19 tahun), dan Calvinia binti Angayung (19 tahun) memfailkan Saman Mahkamah Tinggi terhadap Lima Defendan berikut:

1. Mohd Jainal bin Jamran (bekas guru Bahasa Inggeris Tingkatan 4 mereka; dipindahkan pada awal tahun 2020)
2. Hj. Suid bin Hj. Hanapi (bekas pengetua sekolah mereka SMK Taun Gusi; bersara pada awal tahun 2020)
3. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
4. Menteri Pendidikan
5. Kerajaan Malaysia

Hari ini, selepas lebih daripada 130 hari, para Defendan masih belum memfailkan Pembelaan di Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak dalam prosiding [BKI-22NCvC-88/11-2020](#). Semua Defendan diwakili oleh Jabatan Peguam Negara.

Selepas Writ Saman dikeluarkan terhadap Defendan dan Defendan telah memasukkan kehadiran mereka, Defendan mempunyai 14 hari untuk memfailkan Pembelaan mereka di bawah O. 18 r. 2 (Kaedah-kaedah Mahkamah 2012). Kemas kini terakhir dalam portal Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak berkenaan kes ini melaporkan,

**“e-Review yang TERAKHIR untuk Defendan memfailkan Pembelaan ditetapkan pada 4.6.2021.”**

Para Plaintiff, Rusiah, Natasha dan Calvinia, ketiga-tiga bersekolah dan tinggal di Kota Belud, berasa yakin untuk meneruskan perbicaraan penuh yang terbuka terhadap para Defendan, demi mempertahankan hak mereka yang terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kes ini merupakan kes mahkamah yang kedua terhadap para Defendan berkaitan isu-isu yang serupa (rujuk kes [BKI-22NCvC-101/10-2018](#) oleh Siti Nafirah binti Siman, yang juga berasal dari Kota Belud, Sabah).

Maklumat susulan berkenaan kes mahkamah ini akan diberikan mengikut keperluan.

## **Tarikh BKI-22NCvC-88/11-2020**

Sebagaimana yang dilaporkan oleh Portal Rasmi Mahkamah Tinggi di Sabah & Sarawak.

1. **22 Disember 2020** — Saman Mahkamah Tinggi Difaikan (0 hari)
2. **4 Januari 2021** — Sebutan Mahkamah Tinggi (+14 hari terkumpul)
3. **8 Februari 2021** — Sebutan Mahkamah Tinggi (+49 hari)
4. **11 Mac 2021** — Sebutan Mahkamah Tinggi (+80 hari)
5. **20 April 2021** — Sebutan Mahkamah Tinggi (+120 hari)
6. **5 Mei 2021** — Hari Ini (+135 hari)